



**SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)  
2 KAMPUNG MUKIM PENGKALAN HULU DAN 2 KAMPUNG KERUNAI (DAERAH HULU PERAK)  
BERKUATKUASA 6 JUN 2021**

**Dikemaskini pada 5 Jun 2021**

**Waktu Berkuat kuasa**

24 Jam

**Waktu Aktiviti Dibenarkan**

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

**Pergerakan Penduduk**

Dibenarkan dengan bersyarat

**Aktiviti dibenarkan**

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

<b>Tindakan</b>	<b>Penerangan Ringkas</b>
Kawasan Yang Terlibat	2 Kampung Mukim Pengkalan Hulu Merangkumi Kampung Air Panas & Kampung Kuak Luar Dan 2 Kampung Mukim Kerunai Merangkumi Kampung Alai & Kampung Baharu (Sebahagian Daripada Kampung Lalang) (Daerah Hulu Perak).
Tempoh Kuat kuasa	6 Jun 2021 (12.01 pagi) sehingga 19 Jun 2021 (11.59 malam).
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> <li>PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM Dan RELA.</li> <li>Laluan keluar masuk kawasan PKPD <b>ditutup dan dikawal</b> kemasukan oleh PDRM.</li> <li>Semua penduduk di dalam kawasan PKPD <b>TIDAK DIBENARKAN</b> keluar dari kediaman/tempat tinggal masing-masing. Pergerakan keluar masuk ke dalam kawasan PKPD adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b>. Pertimbangan boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan <b>case by case basis</b>.</li> <li>Bagi penduduk yang bekerja, majikan dipohon untuk mengambil maklum akan perintah ini dan membenarkan bekerja dari rumah (<i>work from home</i>).</li> <li>Pergerakan dalam/keluar-masuk kawasan PKPD bagi kes kecemasan seperti mendapatkan rawatan kesihatan dan kematian, <b>DIBENARKAN</b> setelah mendapatkan kebenaran daripada PDRM.</li> <li>Perkhidmatan penghantaran (<i>food panda &amp; grab</i>) adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b> sepanjang tempoh PKPD.</li> </ul>
Saluran Makanan dan Keperluan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keperluan asas bantuan bekalan akan disalurkan oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah Hulu Perak dan diagihkan oleh APM dan RELA.</li> <li>Sumbangan keperluan makanan dari NGO, ADUN kawasan dan lain-lain akan diselaraskan oleh PKOB Daerah Hulu Perak.</li> </ul>
Aktiviti Dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti sosial, keagamaan di masjid/surau, rekreasi dan budaya adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b>.</li> <li>Saringan secara bersasar kepada penduduk di dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM.</li> <li>Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan.</li> </ul>

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

**Arahan Tetap**

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan